

11 NOV 2000

Abdullah-Lunas

ABDULLAH YAKIN BN DAPAT PERTAHAN KERUSI LUNAS

KUALA LUMPUR, 11 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata beliau yakin Barisan Nasional dapat mempertahankan kerusi dewan undangan negeri Kedah kawasan Lunas pada pilihan raya kecil akan datang.

Beliau berkata walaupun terdapat masalah dalam Umno Bahagian Kuala Kedah, tetapi apabila pilihan raya diadakan, semua anggota parti akan bersatu dan bekerja keras untuk kemenangan BN.

"Masalah itu akan dapat diatasi," katanya ketika diminta mengulas laporan bahawa Setiausaha Umno Bahagian Kuala Kedah, Datuk Abdullah Hasnan Kamaruddin dipecat daripada jawatan itu, Rabu lepas.

Bercakap kepada pemberita selepas melancarkan perlumbaan Le Mans Series Asia Pasifik di Seri Kembangan, Abdullah berkata BN yakin dapat memenangi pilihan raya kecil itu kerana kawasan itu memang milik BN.

Pilihan raya kecil itu diadakan berikutan kematian penyandanginya Dr Joe Fernandez, yang juga Timbalan Pengerusi MIC Kedah, setelah ditembak ketika memandu dalam perjalanan pulang dari kliniknya di Bukit Mertajam, Pulau Pinang, Sabtu lepas.

Tarikh pilihan raya itu belum ditetapkan.

Mengenai kebimbangan Presiden MIC Datuk Seri S.Samy Vellu bahawa pembangkang mungkin menggunakan isu agama, Abdullah berkata beliau dukacita jika itulah pendekatan yang akan digunakan.

"Saya harap ia tidak digunakan...yang penting siapa yang jadi wakil rakyat mestilah orang yang berkebolahen, mendapat sokongan kuat parti dan berkemampuan membuat pembangunan di kawasan itu," kata Abdullah.

Menurutnya, isu pembangunan dan kemampuan calon sepatutnya menjadi tumpuan dan bukannya isu agama seperti yang berlaku semasa pilihan raya kecil kerusi parlimen Teluk Kemang.

Abdullah berkata BN tidak kisah calon dari parti mana yang akan diletakkan oleh barisan pembangkang untuk menentang BN di Lunas.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Pengerusi BN berkata BN mungkin meletakkan calon daripada MIC untuk bertanding mempertahankan kerusi berkenaan.

-- BERNAMA

AR AZZ MAI